



LEMBARAN PENZAHIRAN
PRODUK PEMBIAYAAN KONSUMER
 KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD

(Nota : Anggota / pelanggan adalah dinasihatkan membaca terlebih dahulu Lembaran Penzahiran Produk ini sebelum memutuskan untuk memohon Pembiayaan Konsumer Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad)

NO	SOALAN	JAWAPAN												
1	Produk ini mengenai apa?	- Produk ini merupakan pembiayaan bagi membeli barangan pengguna yang ditawarkan kepada Anggota KPDRM yang layak. - Produk ini boleh dilanggan secara berbilang kali dengan jumlah maksimum pembiayaan terkumpul dalam satu-satu masa adalah tidak melebihi RM 80,000.00 tertakluk kepada kelayakkan. - Kadar keuntungan dikira berdasarkan pada kadar tetap. - Tempoh pembiayaan ialah; Sehingga 84 bulan bagi pembiayaan sehingga RM 10,000.00. Sehingga 120 bulan bagi pembiayaan antara RM 10,001.00 keatas.												
2	Apakah konsep Syariah yang digunakan?	- Produk ini merupakan produk pembiayaan peribadi patuh Syariah yang berlandaskan konsep Tawarruq. - Di bawah konsep ini KPDRM akan membeli aset tersebut pada Harga Belian dan seterusnya menjualnya kepada Anggota secara bayaran tertangguh pada Harga Jualan (Jumlah Pembiayaan + Keuntungan). - Harga Belian adalah berdasarkan jumlah pembiayaan yang diluluskan. - Manakala Harga Jualan adalah berdasarkan dengan jumlah bayaran tertangguh yang akan dibayar oleh Anggota mengikut jadual bayaran yang dipersetujui. - Harga Belian dan Harga Jualan adalah sebagaimana Jadual Pertama dalam set dokumen permohonan.												
3	Apakah kadar keuntungan pembiayaan yang dikenakan?	- Kadar yang dikenakan adalah sebanyak 4.50% (03 hingga 05 tahun) dan 5.00% (06 hingga 10 tahun) setahun pada kadar tetap mengikut tempoh pembiayaan yang diluluskan. - Pengiraan keuntungan adalah berdasarkan kaedah “Rule 78” atau “Sum of the Years’ Digits”.												
4	Apakah potongan yang dikenakan?	- Wang Tabung 1.0% bagi pembiayaan di bawah RM 20,000 atau 2.0% bagi pembiayaan melebihi RM 20,000. Wang Tabung merupakan mekanisma dalaman sebagai alternatif kepada Takaful/Insurans. - Caj Proses RM 50.00 bagi setiap permohonan pembiayaan yang diluluskan. - Caj-caj ini kemudiannya akan ditokok kepada harga pembelian dan menjadi jumlah pembiayaan.												
5	Apa yang Anggota dapat daripada produk ini?	- Sebagai ilustrasi :-<table><tr><td>Jumlah Dipohon/Inbois</td><td>RM 8,000.00</td></tr><tr><td>Wang Tabung (1%)</td><td>RM 80.00</td></tr><tr><td>Caj Proses</td><td>RM 50.00</td></tr><tr><td>Jumlah Pembiayaan (P)</td><td>RM 8,130.00</td></tr><tr><td>Kadar Keuntungan (i)</td><td>4.5% setahun</td></tr><tr><td>Tempoh (n)</td><td>5 tahun atau 60 bulan</td></tr></table> - Pembiayaan diluluskan sebanyak RM 8,130.00 (Harga Belian + Wang Tabung + Caj Proses). - Bayaran Ansuran RM 9,959.25 (RM 165.99 sebulan x 60). - Keuntungan Pembiayaan kepada KPDRM sebanyak RM 1,829.25.	Jumlah Dipohon/Inbois	RM 8,000.00	Wang Tabung (1%)	RM 80.00	Caj Proses	RM 50.00	Jumlah Pembiayaan (P)	RM 8,130.00	Kadar Keuntungan (i)	4.5% setahun	Tempoh (n)	5 tahun atau 60 bulan
Jumlah Dipohon/Inbois	RM 8,000.00													
Wang Tabung (1%)	RM 80.00													
Caj Proses	RM 50.00													
Jumlah Pembiayaan (P)	RM 8,130.00													
Kadar Keuntungan (i)	4.5% setahun													
Tempoh (n)	5 tahun atau 60 bulan													

6	Apakah tanggungjawab Anggota?	- Anggota bertanggungjawab membuat bayaran sebagaimana jadual bayaran ansuran samada melalui pemotongan gaji oleh majikan atau dengan cara lain sehingga Harga Jualan Tertangguh dilunaskan sepenuhnya. - Memaklumkan kepada KPDRM mengenai perubahan butiran peribadi termasuk pertukaran alamat surat menyurat bagi memastikan urusan perhubungan kekal berkesan sehingga Harga Jualan Tertangguh lunas sepenuhnya.												
7	Bagaimana jika Anggota menyelesaikan sepenuhnya pembiayaan sebelum tempoh matang?	Tiada caj penyelesaian awal akan dikenakan, sebaliknya (ibra') rebat adalah diberikan berdasarkan kepada pengiraan bagi bulan berikutnya.												
8	Bagaimana baki pembiayaan sebenar dikira?	<table><tr><td>Baki Sebenar</td><td>(Baki Harga Jualan) – (Ibra')</td></tr><tr><td>Baki Harga Jualan</td><td>(k) x (Jumlah Bayaran Ansuran Bulanan)</td></tr><tr><td>Ibra'</td><td>(I) x [k(k+1) / n(n+1)] di mana :-</td></tr><tr><td>k</td><td>bilangan baki bulan bayaran yang belum dibayar.</td></tr><tr><td>n</td><td>tempoh pembiayaan sebenar</td></tr><tr><td>I</td><td>Jumlah keuntungan pembiayaan</td></tr></table> Ilustrasi :- Katakan Anggota telah membuat pembiayaan konsumen berjumlah RM 8,130.00 dengan tempoh pembiayaan 60 bulan (n). Pada bulan ke-25, pelanggan membuat penyelesaian sepenuhnya sebelum tempoh matang. (oleh itu k=35). Baki Harga Jualan = RM 165.99 x 35 = RM 5,809.56 Ibra' = RM 1,829.25 x [(35 x 36) / (60 x 61)] = <u>RM 629.81</u> Oleh itu : Jumlah penyelesaian ialah RM 5,179.75 (RM 5,809.56 – RM 629.81).	Baki Sebenar	(Baki Harga Jualan) – (Ibra')	Baki Harga Jualan	(k) x (Jumlah Bayaran Ansuran Bulanan)	Ibra'	(I) x [k(k+1) / n(n+1)] di mana :-	k	bilangan baki bulan bayaran yang belum dibayar.	n	tempoh pembiayaan sebenar	I	Jumlah keuntungan pembiayaan
Baki Sebenar	(Baki Harga Jualan) – (Ibra')													
Baki Harga Jualan	(k) x (Jumlah Bayaran Ansuran Bulanan)													
Ibra'	(I) x [k(k+1) / n(n+1)] di mana :-													
k	bilangan baki bulan bayaran yang belum dibayar.													
n	tempoh pembiayaan sebenar													
I	Jumlah keuntungan pembiayaan													
9	Bagaimana jika Anggota gagal memenuhi tanggungjawab?	- Caj pampasan (Ta'widh) sebanyak 1.0% setahun daripada amaun bulanan tertunggak akan dikenakan. - KPDRM berhak menolak Yuran / Saham Anggota sekiranya segala usaha untuk mendapatkan Anggota untuk melunaskan baki Harga Jualan Tertangguh tidak berjaya. - KPDRM juga berhak untuk menuntut baki tertunggak berserta lain-lain caj melalui proses perundangan.												
10	Di mana Anggota boleh mendapatkan maklumat lanjut?	- Untuk mendapat maklumat lanjut mengenai produk ini, sila hubungi HOTLINE KPDRM di talian 03 2260 8999 / 03 2260 8888. - Sebarang aduan boleh diajukan menerusi email ke info@kpd.com.my - Sekiranya KPDRM tidak dapat menyelesaikan aduan tersebut, Anggota boleh merujuk kepada : Suruhanjaya Koperasi Malaysia Bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan Tingkat 10, Sunway Putra Tower 100 Jalan Putra 50350 Kuala Lumpur Laman Web : skm.gov.my Tel : 03 2083 4000 Faks : 03 2083 4100 Sistem Aplikasi Online Aduan Koperasi : http://apponline.skm.gov.my												